

22/03/1997

Teguran imam disokong

Melihat Kebaikan

PERKATAAN halal dan haram berasal daripada perkataan Arab.

Perkataan ini selalu disebut oleh masyarakat Islam, terutama orang Melayu di Malaysia.

Menyebut perkataan halal dan haram memang mudah.

Tetapi untuk memahami pengertian serta penghayatannya mungkin agak sukar, memandangkan keadaan dan perilaku manusia sekarang.

Allah mewahyukan kitab suci al-Quran kepada Nabi Muhamad yang mengandungi segala perutusan dan hukum agama Islam.

Semua perkara tercatat di dalamnya sebagai panduan hidup.

Segala peraturan itu diturunkan untuk semua hamba Allah tanpa mengira kaum dan kedudukan.

Perkataan haram boleh diertikan perkara yang ditegah atau tidak diredai Allah.

Ia meliputi semua perkara yang ditegah daripada mendekati, mengguna dan memakannya serta perbuatan yang mendatangkan mudarat bukan hanya kepada diri sendiri, malah kepada semua.

Perkataan halal ialah segala apa yang diredai Allah serta tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Agama Islam amat halus dalam pengajarannya.

Lantaran itu, ulama menyatakan, walau sehalus zarah sekalipun perbuatan manusia sama ada buruk atau baik, Allah tetap memberi ganjarannya.

Maksudnya jika baik perbuatan kita, maka baiklah ganjarannya. Jika kita melakukan kerja buruk atau yang ditegah oleh Islam, maka buruk pula ganjarannya sama ada di dunia atau di akhirat.

Dalam Islam, sesuatu perkara perlu dilihat dengan mata hati.

Jika ada manusia menganggap agama Islam itu susah, kesusasahan itu disebabkan dirinya sendiri.

Sebenarnya agama Islam tidak menyusahkan umatnya.

Saya ingin merujuk kepada teguran Imam Besar Masjid Negara dalam akhbar baru-baru ini.

Menurutnya tindakan penyanyi yang merakam dan menyanyikan semula lagu Getaran Jiwa dengan menggunakan teknologi canggih seperti memasukkan vokal seniman agung Allahyarham Tan Seri P Ramlee adalah bercanggah dengan konsep Islam.

Namun ada pihak yang mempertikaikan.

Saya mengalu-alukan teguran Imam Besar Masjid Negara itu.

Pada pandangan saya sudah sampai masanya ulama bertanggungjawab menegur serta memperbaiki apa juga perbuatan serta kegiatan yang bercanggah dengan ajaran Islam yang dilakukan oleh masyarakat Islam khususnya di Malaysia.

Bagaimanapun, saya mengucapkan syabas kepada kumpulan terbabit kerana mereka menerima teguran itu, walaupun sebelumnya mereka sudah merujuk perkara ini kepada banyak pihak.

Oleh sebab ada alat teknologi canggih, mereka menggunakan konsep duet yang pernah dilakukan oleh Natalie Cole yang memasukkan semula suara ayahnya yang meninggal dunia.

Ditambah pula mereka mendapat sokongan syarikat perniagaan yang kononnya hendak menghargai jasa baik dan berbakti kepada orang yang sudah meninggal dunia dan mencari rezeki yang halal.

Mungkin kerana tidak faham erti serta penghayatan perkataan halal dan haram, tanpa disedari ramai umat Islam melakukan kerja yang tidak diredai oleh Allah.

Saya masih ingat nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Menurutnya kita boleh meniru perbuatan orang bukan Islam seperti di Amerika dan Barat.

Tetapi jangan tiru yang buruk. Buatlah yang baik asalkan tidak bercanggah dengan Islam.

Saya mengajak pembaca memandang dengan mata hati.

Apakah yang sedang dan akan berlaku pada negara kita.

Kerajaan berusaha memajukan negara untuk rakyatnya.

Dengan teknologi canggih, peniaga dan ahli perdagangan giat merealisasikan wawasan negara.

Pada masa yang sama, masyarakat dilanda pelbagai gejala negatif dan ditimpa bencana seperti nahas jalan raya dan udara, tanah dan bangunan runtuh serta kebakaran, banjir kilat dan bencana alam.

Ribuan manusia terkorban. Walaupun manusia yang hidup akan mati, Allah tetap memberi ganjaran terhadap perbuatan makhluknya.

Saya teringat pepatah pujangga yang menyatakan `jika nyawa boleh dijual beli, yang kaya saja yang boleh hidup. Yang miskin tetap mati.'

Tetapi Allah dengan keadilan, kaya dan miskin sama-sama akan kembali.

Dalam pengajaran Islam tuntutan ilmu yang boleh dipakai dunia dan akhirat.

Maksudnya selamat kita di dunia dan selamat di akhirat.

Jangan dipakai ilmu Firaun,

Pakailah ilmu Nabi Muhammad,

Harapkan hidup beribu tahun,

Akhirnya terseksa di alam akhirat.